



# CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat: 5136-T)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan-ordinan Syarikat 1940 - 1946)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

**NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") Chemical Company of Malaysia Berhad ("CCM" atau "Syarikat") akan diadakan di **Nusantara Ballroom 2 & 3, Sheraton Imperial Hotel, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur** pada hari **Selasa, 21 Januari 2014** pada jam **2.30 petang** atau pada mana-mana penangguhannya, untuk tujuan mempertimbangkan, dan sekiranya difikirkan wajar meluluskan resolusi berikut :

### RESOLUSI BIASA

**CADANGAN PELUPUSAN 2 BIDANG TANAH PEGANGAN BEBAS BERSEBELAHAN BERSAMA DENGAN 3 UNIT RUMAH BERKEMBAR DUA TINGKAT YANG DIDIRIKAN DI ATAS GERAN 25607, LOT 17, SEKSYEN 71, BANDAR DAN DAERAH KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN GERAN 14977, LOT 332, SEKSYEN 71, BANDAR KUALA LUMPUR, DAERAH WILAYAH PERSEKUTUAN ("HARTANAH") OLEH CCM KEPADA PERMODALAN NASIONAL BERHAD ("PNB") BAGI BALASAN TUNAI BERJUMLAH RM74,814,000 ("CADANGAN PELUPUSAN").**

"**BAHAWA**, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak yang berkenaan dan/atau keperluan berkenaan bagi memenuhi syarat-syarat penyempurnaan, kelulusan adalah dengan ini diberikan kepada CCM untuk melupuskan hartanah kepada PNB menurut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian jual dan beli bersyarat bertarikh 30 September 2013 yang dimeterai diantara CCM dan PNB bagi Cadangan Pelupusan;

**DAN BAHAWA**, Lembaga Pengarah Syarikat (Pengarah Bukan Berkepentingan) kecuali, Dato' Sri Azalina binti Othman, Datin Paduka Kartini binti Hj. Abdul Manaf, Dato' Azmi bin Mohd Ali, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Amirul Feisal bin Wan Zahir dan Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman (yang telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada 13 November 2013) adalah dengan ini diberi kuasa dan dibenarkan untuk mengambil semua langkah dan melaksanakan semua tindakan, surat ikatan dan perkara untuk memeterai apa-apa pengaturan, transaksi, perjanjian dan/atau akujanji dan untuk melaksanakan, memeterai, menandatangani dan menyerahkan bagi pihak syarikat semua dokumen sepertimana perlu, bermanfaat dan/atau bersesuaian untuk melaksanakan dan memberi kesan sepenuhnya dan menyempurnakan cadangan pelupusan dengan kuasa penuh untuk memersetujui apa-apa syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan sebagaimana diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau sebagaimana dianggap perlu oleh Pengarah Bukan Berkepentingan dan untuk mengambil kesemua langkah dan tindakan yang diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan/sebagaimana yang dianggap perlu dan bermanfaat oleh Pengarah Bukan Berkepentingan untuk menyelesaikan, melaksanakan, memuktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya serta menyempurnakan Cadangan Pelupusan."

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**NOOR AZWAH BINTI SAMSUDIN (LS 0006071)**

**IBRAHIM HUSSIN SALLEH (LS 0009121)**

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

30 Disember 2013



### CATATAN:

1. Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat yang tersebut di atas, berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya menjadi ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak akan digunapakai.
2. Jika seorang ahli Syarikat melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan ahli tersebut memaklumkan bahagian saham yang diwakili oleh setiap proksi.
3. Ahli Syarikat yang merupakan penama yang diberikuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk pelbagai pemilik benefisial di dalam satu akaun sekuriti (Akaun Omnibus) tidak dihadkan bilangan proksi yang boleh dilantik olehnya untuk setiap akaun omnibus yang dipegang.
4. Penama yang diberi kuasa yang dikecualikan merujuk kepada penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA) dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
5. Surat pelantikan proksi perlu dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh ahli yang melantik atau peguamnya yang diberi kuasa secara bertulis atau, jika ahli yang melantik adalah sebuah syarikat, sama ada dimeterai dengan Mohor Syarikat atau ditandatangani pegawai atau peguam syarikat yang telah diberi kuasa.
6. Surat pelantikan proksi perlu didepositkan ke Pendaftar, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat tersebut diadakan.
7. Hanya pendeposit yang nama mereka terkandung dalam Rekod Pendeposit pada 13 Januari 2014 dianggap sebagai ahli dan layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat itu.

*Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan*